

Saya tak akan lindungi pihak terlibat skandal BMF- Mahathir

UM 17 SEP 1984

KUALA LUMPUR 16 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memberi jaminan, beliau tidak akan melindungi mana - mana pihak yang terlibat dengan skandal Bumiputra Malaysia Finance (BMF).

“Tidak ada apa - apa yang perlu disembunyikan. Kedua - dua laporan mengenai skandal tersebut akan diumumkan kepada orang ramai setelah kerajaan mengkaji laporan yang disediakan oleh jawatankuasa penasihat,” tegas Perdana Menteri selepas mengadakan pertemuan khas dengan 570 pemimpin UMNO di sini petang semalam.

Menurut beliau, laporan awal skandal

tersebut telahpun dikemukakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Siasatan, Tan Sri Ahmad Nordin Zakaria kepada Bank Negara memandangkan bank tersebut bertanggungjawab terhadap aktiviti lain - lain bank di negara ini.

Bank Negara, tambah Datuk Sri Dr. Mahathir, hanya akan menyorahkan laporan tersebut kepada kerajaan setelah isi kandungannya diteliti dengan menyeluruh.

Beliau memberitahu kerajaan tidak boleh menghalang sesiapa pun untuk membahaskan isu laporan BMF ini di Parlimen November ini.

Beliau jua menegaskan, kerajaan

tidak akan menyembunyikan mana - mana laporan siasatan tersebut untuk kepentingan mana - mana pihak.

Mengenai pengambilalihan saham Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) oleh Petronas, beliau berkata itulah satu - satunya cara untuk menyelamatkan BBMB memandangkan Petronas mempunyai kewangan yang begitu kukuh.

“Saya berharap dengan penguasaan 90% saham BBMB oleh Petronas, Bank Bumiputra akan diberi nafas baru untuk terus bertahan sebagai institusi kewangan yang ulung di negara ini.” kata Datuk Sri Dr. Mahathir.